

Mahathir mahu hubungan pelajaran dgn UK diteruskan

DALAM lawatan pertamanya ke Britain semenjak ia menjadi Menteri Pelajaran dua bulan dahulu, Dr. Mahathir Muhammad telah menemui Menteri Pelajaan, Encik Reginald Prentice dan melawat beberapa institusi pelajaran termasuk sebuah universiti dan pertubuhan-pertubuhan yang bersangkutan dengan permordenan pelajaran pada semua peringkat.

Dr. Mahathir memberitahu Berita Harian semalam: "Kita akan mengekalkan hubungan pelajaran yang erat dengan Britain ini dan menggunakan segala kemudahan yang kita sedang gunakan sekarang. Ia menambah: "Lagi guru - guru British diperlukan pergi ke Malaysia dan keperluan itu mungkin untuk beberapa tahun lagi sehingga ada tanda - tanda bahawa sistem itu diberhentikan."

Mengenai rundingannya dengan Encik Prentice, Dr. Mahathir berkata: "Kami telah membincangkan secara umum dasar pelajaran satu sama lain dan kami dapati ada beberapa masalah yang sama."

Pembaharuan

Encik Prentice telah meraikan Dr. Mahathir dalam satu majlis makan tengahari di Malborough House. Di sini Dr. Mahathir telah menemui beberapa orang yang terkenal dalam bidang pelajaran.

Hari ini Dr. Mahathir telah melawat Pusat untuk Pembangunan Pe-

Jaran Seberanglaut untuk satu taklimat khas mengenai cara - cara terbaharu pelajaran melalui talivisyen dan lain-lain lapangan.

Dr. Mahathir berkata sebelum lawatan itu bahawa ia ingin melihat bagaimana Malaysia boleh mengembangkan rancangan pelajaran melalui talivisyen dan juga membincangkan persiapan - persiapan rancangan dan bagaimana talivisyen boleh digunakan untuk pengajaran.

Ia memberitahu pegawai - pegawai Kementerian akan dihantar ke Britain untuk mengambil kursus atas perkara itu.

Di Pusat itu ia juga telah bercakap dengan pihak berkuasa mengenai pembaharuan susunan pelajaran dan bantuan - bantuan pandang dengar.

(Tujuan Pusat itu ialah untuk bekerjasama dengan negara - negara lain dengan menolong menentukan keperluan, mengkaji sebab - sebab masalah pelajaran dan

LONDON, Jumaat

bersama - sama menolong mencari dan melaksanakan keputusan - keputusan yang boleh memberi kesan).

Taklimat

Dr. Mahathir akan berlepas pulang pada hari Sabtu. Ia telah menemui dan berucap kepada pelajar-pelajar Malaysia di London dan Brighton. Hari ini ia pergi ke Glasgow untuk menemui pelajar-pelajar Malaysia di Scotlands.

Pertemuan-pertemuan ini memberi faham kepadanya tentang masalah pelajar-pelajar di London berhubung dengan kemudahan-kemudahan di Malaysia Hall.

Ia akan mengkaji hal-hal ini bila ia balik ke Kuala Lumpur.

Bila Dr. Mahathir berucap kepada lebih 100 pelajar Malaysia di Brighton di Wisma Raja Zainal, pusat mereka di sana, ia menjelaskan bahawa penubuhan Pe-

tronas yang akan menguruskan perusahaan petroleum dan petrochemical akan memerlukan lebih banyak jurutera dan juruteknik.

Ia menyebut ini kerana kebanyakan dari 250 pelajar di Brighton mengambil kursus kejuruteraan di Brighton Technical College dengan biasiswa Mara atau LLN.

Cadangan

Sebelum menemui pelajar-pelajar itu, Menteri itu, yang diiringi oleh Pengarah Jabatan Pelajar Malaysia, Encik Baharin Hussain, telah dibawa melihat-lihat kolej tersebut. (Ia juga telah melawat Universiti Sussex).

Dr. Mahathir menyuruh pelajar-pelajar itu menyampaikan cadangan-cadangan bagi membaiki sistem pelajaran yang akan ditimbang menurut pengkajian dasar pelajaran sekarang.

Perarakan

Menyentuh perkembangan - perkembangan di Universiti Malaya baru-baru ini, Dr. Mahathir membidas setengah-setengah pelajar yang katanya berazam mengganggu pelajaran dengan tunjuk-tunjuk perasaan dan perarakan.

Ia berkata: "Kami dapati pelajar-pelajar militan yang segelintir ini ialah mereka yang bia-

sanya gagal dalam pelaksanaan mereka. Tetapi kami belum tahu adakah kegagalan mereka kerana terialu banyak bermain politik ataupun cuba buat kacau untuk menutup kekurangan mereka.

"Mereka tak mahu mengaku bahawa mereka sangat beruntung kerana hanya satu dari sepuluh bella boleh dapat tempat dalam universiti-universiti kita.

"Kami telah memberi segala bantuan yang boleh kepada mereka. Apakah lagi yang mereka mahu?"

Keluarga

Dalam satu interbui singkat dengan Berita Harian sejurus ia menemui pelajar-pelajar itu, Dr. Mahathir memberitahu ia tidak setuju pelajar-pelajar itu tinggal di pusat-pusat khas. Ia lebih suka jika mereka dapat tinggal keluarga-keluarga khas. Ia lebih suka jika mereka dapat tinggal dengan keluarga-keluarga bukan Malaysia.

"Dengan cara ini" katanya, "mereka akan mengetahui cara hidup orang-orang lain dan tidak bargaul sama sendiri sahaja seperti di pusat-pusat itu."

Pusat-pusat itu, katanya, harus digunakan sebagai tempat pertemuan dan tempat pelajar-pelajar baharu berkumpul dan kemudian pergi ke tempat-tempat yang mereka hendak belajar.